

Syed Hamid terima 378 kereta rasmi NAM-CoB

BH-16/05/2006

PUTRAJAYA: Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menerima 378 kenderaan pelbagai jenis sumbangan Proton Edar Sdn Bhd (Proton Edar) dan Kumpulan Syarikat Naza (Naza) sebagai kenderaan rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Biro Penyelarasan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM-CoB) mulai Sabtu ini.

Penyerahan disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi Kumpulan Syarikat-syarikat Naza, Tan Sri S M Nasimuddin S M Amin dan Ketua Eksekutif Proton Edar, Datuk Maruan Mohd Said, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Syed Hamid berkata, berkata kenderaan itu akan menggunakan plat nombor pendaftaran istimewa NAM-CoB.

Kenderaan yang sama akan digunakan sebagai pengangkutan rasmi delegasi Mesyuarat Menteri Luar Asean ke-39 dan Forum Serantau Asean ke-13 diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Julai depan.

Syed Hamid berkata, pembabitan pihak swasta dalam NAM-CoB dapat membantu kerajaan mengurangkan kos sebagai tuan rumah persidangan antarabangsa.

"Kerajaan berterima kasih dan yakin kerjasama dengan swasta mampu mewujudkan suasana kondusif untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Pembabitan pihak swasta juga dapat memberi peluang kepada delegasi asing untuk memandu uji dan menilai sendiri kualiti kereta keluaran

syarikat tempatan, sekali gus mampu memikat hati mereka untuk berurusan niaga dengan kita," katanya.

Sementara itu, Maruan berkata pihaknya bangga dapat memenuhi tanggungjawab korporat dan sosial terhadap negara.

"Kami berpendapat langkah ini dapat memberi peluang mendapatkan maklum balas atau input berguna dalam usaha memperbaiki dan meningkatkan kualiti, sekali gus memastikan kereta Proton sentiasa mendapat tempat di hati pengguna pada masa depan," katanya.

FAKTA NOMBOR

Kenderaan Rasmi NAM-CoB

114

Proton Perdana

114

Proton Waja

105

Proton Savvy, Wira dan Gen2

45

Naza Ria



SIAP SEDIA: Syed Hamid menerima replika kunci kenderaan daripada SM Nasimuddin yang akan digunakan pada Mesyuarat NAM-CoB, di Putrajaya, semalam.